

# Pemimpin perlu dahului slogan kepemimpinan

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim menegaskan, para pemimpin sendiri perlu menunaikan janji jika kempen kepemimpinan melalui teladan mahu berjaya.

Berucap ketika merasmikan Pameran Kepemimpinan Melalui Teladan di Arkib Negara, beliau menambah, tidak ada makna pemimpin menyeru pengikut-pengikutnya membuat kebaikan jampa beliau sendiri mengamalkan apa yang diserunya.

Katanya, konsep kepemimpinan dengan prinsip-prinsip mulia, nilai yang baik dan menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan sewajarnya sehati dengan kehidupan rakyat Malaysia, memandangkan anjuran agama serta warisan falsafah dan budaya hidup kita bersama.

Dalam Islam sendiri, tambahnya, konsep kepemimpinan diperluaskan kepada hampir semua orang — pemimpin tertinggi sehingga pembela kambing.

Beliau memetik kata Kung Fu Tze yang menyebut pimpinan yang amanah dan adil akan mendapat ketaatan dan kasih sayang pengikutnya dan rakyat yang tekun dan amanah akan beroleh pimpinan yang baik pula.

Mengenai kempen kepe-

mimpinan melalui teladan, beliau berkata, kempen ini akan terus dijalankan hingga setahun.

Katanya, Arkib Negara juga ditugaskan untuk menjalankan beberapa projek lagi bagi memperhebatkan kempen kepemimpinan ini.

Antaranya ialah penerbitan sebuah buku yang mengandungi kata-kata bistari berkaitan kepemimpinan yang diedarkan tahun depan, penyiaran rancangan Hari Ini Dalam Sejarah dengan penekanan tokoh-tokoh kepemimpinan, mengumpul dan penerbitan maklumat mengenai tokoh negara di peringkat negeri.

## Sultan pulang

**KOTA BHARU, Selasa** — Sultan dan Raja Perempuan Kelantan, berangkat pulang ke tanah air hari ini dari menunaikan fardu haji.

Ketibaan Baginda berdua, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pagi ini disambut oleh Timbalan Menteri Besar, Haji Ariffin Said dan Tengku Temenggung Kelantan serta Ahli-Ahli Majlis Kerja Keajaan Negeri.